

Wanita parah dirempuh

Sinar 3/8/12 M.S. 59.

Tercampak atas jalan, tidak sedarkan diri selepas dilanggar kereta

**SHAHFUL BAKRI
ABD RAZAK**

KUALA KEDAH - Seorang wanita cedera parah apabila motosikal yang dinaiki dirempuh sebuah kenderaan dari arah belakang, berdekatan simpang Taman Sri Abadi Jalan Kuala Kedah di sini, semalam.

Dalam kejadian kira-kira jam 8.20 pagi itu, mangsa, Sally Lau Sook Feng, 31, dalam perjalanan dari Taman Bersatu menuju tempat kerja yang terletak di Bandaraya Alor Setar berdasarkan penemuan peralatan serta buku dalam beg mangsa.

Difahamkan, ketika motosikal mangsa tiba di tempat kejadian sebuah kereta keluar dari persimpangan Taman Seri Abadi merempuh bahagian belakang kenderaan mangsa



Anggota JPAM Daerah Kota Setar memberikan rawatan awal kepada mangsa sebelum dibawa ke Hospital Sultanah Bahiyah Alor Setar.

menyebabkan wanita itu tercampak ke atas jalan.

Saksi dikenali Ariffin berkata, ketika dia melalui tempat

kejadian dia melihat seorang wanita terbaring di atas jalan raya dalam keadaan berlumuran darah di bahagian muka,

serta tidak sedar diri.

"Pemandu kereta yang melanggar mangsa tidak memberhentikan kenderaan dan

terus beredar dari situ. Saya cuba membantu mengalihkan mangsa ke tepi jalan, ketika itu saya terampak darah keluar melalui hidung, mulut dan telinga mangsa.

"Apa yang menyedihkan, pemandu kereta yang merempuh mangsa tidak langsung membantu malah terus meninggalkan lokasi kejadian seperti tidak ada apa-apa berlaku," katanya ketika ditemui di tempat kejadian.

Sook Feng yang berasal dari Taman Bersatu, Teluk Kechai Kuala Kedah mengalami kecederaan serius pada bahagian muka, kepala dan kaki.

Mangsa dibawa ke Hospital Sultanah Bahiyah Alor Setar (HSB) dengan ambulans Jabatan Pertahanan Awam Malaysia Daerah Kota Setar untuk rawatan lanjut